

17/07/2002

KTMB cadang perluas khidmat KTM Komuter

KTM Bhd (KTMB), bercadang memperluaskan melanjutkan perkhidmatan KTM Komuter dari Sentul ke Batu Caves hingga ke Selayang dan Kepong.

Perkhidmatan lanjutan itu akan membentuk Rangkaian Rel Luaran di Lembah Klang, kata Pemangku Ketua Eksekutif KTMB, Mohd Salleh Abdullah.

"Rancangan kami adalah untuk menyiapkan kerja berkenaan dalam tempoh 13 bulan akan datang dan perkhidmatan dijadual dimulakan menjelang 2004 atau awal 2005.

"Cadangan melanjutkan khidmat KTM Komuter ke Batu Caves itu dibuat kerana kami berpendapat ia dapat membantu dari segi pelancongan," katanya di Kuala Lumpur.

Sementara itu, Mohd Salleh juga memberitahu, KTMB sudah diminta oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membantu Keretapi Sabah membaik pulih landasan rel penumpang/kargo sepanjang 130 kilometer dari Tanjung Aru di Kota Kinabalu ke Beaufort dan Tenom.

"Projek itu dibahagikan kepada tiga bahagian penting dengan langkah pertama membentuk apa yang dipanggil tindakan baik pulih berkaitan keselamatan.

Katanya, Kerajaan Persekutuan sudah menyediakan peruntukan berjumlah RM28 juta untuk tujuan berkenaan yang pada asasnya untuk menggantikan jambatan dan lokomotif.

Dalam rancangan jangka pendek pula katanya, KTMB sudah memberitahu kerajaan mengenai keperluan meningkatkan taraf keseluruhan prasarana landasan.

"Anggaran kos untuk tujuan berkenaan sudah pun diserahkan kepada Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Sehingga ini, mereka sedia membantu dan apa yang diperlukan adalah komitmen kerajaan Sabah dalam mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan itu," katanya.